

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : RABU, 27 MEI 2015

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sektor-sektor yang menyumbang kepada pengurangan intensiti karbon, pecahan sumbangan setiap sektor dan langkah-langkah yang telah diambil dalam mencapai tahap pengurangan sebanyak 33% seperti apa yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada sidang kemuncak perubahan iklim PBB di New York pada September 2014 bahawa Malaysia telah mencapai tahap pengurangan sebanyak 33% intensiti pengeluaran karbon pada 2014 berbanding dengan tahun 2005.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian indikator sukarela pengurangan pelepasan GHG sehingga 40% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020 berasaskan tahun 2005 disumbangkan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah sektor-sektor berikut:-

I. Sektor pengurusan sisa

- (i) Sebanyak 33,122,970.03 tan CO₂e GHG (63.66%) dielakkan melalui penggunaan alternatif Tandan Kosong Kelapa Sawit [*Empty Fruit Bunches* (EFB)] yang seterusnya tidak dibuang di dalam tapak pelupusan; dan
- (ii) Sebanyak 4,000,000.00 tan CO₂e GHG (7.6%) dielakkan melalui kitaran semula kertas yang seterusnya tidak dibuang di dalam tapak pelupusan.

II. Sektor guna tanah (LULUCF) dan Perhutanan

- (i) Sebanyak 11,800,000.00 tan CO₂e GHG (22.68%) dielakkan melalui pewartaan hutan simpan kekal baru seluas 31,810 hektar.

III. Sektor Tenaga

- (i) Sebanyak 1,382,662.66 tan CO₂e GHG (2.66%) dielakkan dengan menggunakan campuran 5% bio diesel dengan diesel fosil (Program B5);
- (ii) Sebanyak 432,161.21 tan CO₂e GHG (1%) dielakkan melalui program *Feed-in Tariff* (FIT) yang menggalakkan penjanaan elektrik dari tenaga boleh diperbaharui;
- (iii) Sebanyak 475,745.66 tan CO₂e GHG (1%) dielakkan melalui program pengiktirafan bangunan cekap tenaga *Green Building Index* (GBI);
- (iv) Sebanyak 486,317.89 tan CO₂e GHG (1%) dielakkan melalui penggunaan pengangkutan awam dan kenderaan hibrid;
- (v) Sebanyak 136,415.14 tan CO₂e GHG (0.2%) dielakkan melalui penggunaan *Compressed Natural Gas* (CNG) sebagai bahan api kenderaan menggantikan minyak petrol;
- (vi) Sebanyak 98,208.00 tan CO₂e GHG (0.19%) dielakkan melalui program *Government Leadership by Example* iaitu program pemantauan penggunaan tenaga bangunan kerajaan;
- (vii) Sebanyak 92,993.39 tan CO₂e GHG (0.17%) dielakkan melalui pembiayaan 120 projek di bawah program *Green Technology Financing Scheme* (GTFS); dan

- (viii) Sebanyak 208.70 tan CO₂e GHG (0.004%) dielakkan melalui penggunaan peralatan elektrik cekap di bawah Program *Sustainability Achieved Via Energy Efficient (SAVE)*.

Sekian, terima kasih.